

## Relevansi Sifat *al-Haya'* dalam Pemantapan Akhlak Generasi Z

Nur Anis Hanani Mohd Talib<sup>1</sup>, Latifah Abdul Majid<sup>2</sup> & Nurliyana Mohd Talib<sup>3</sup>

Email: <sup>1</sup>anishanani94@gmail.com, <sup>2</sup>umilm@ukm.edu.my, <sup>3</sup>liyanatalib@gmail.com

<sup>1</sup>Calon Sarjana, Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

<sup>2</sup>Prof. Madya, Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

<sup>3</sup>Bahagian Falsafah & Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM

### Abstrak

Pendidikan akhlak adalah aspek penting dalam membentuk personaliti dan keperibadian remaja. Melihat kepada perkembangan remaja yang semakin maju seiring dengan perkembangan teknologi masa kini, segelintir remaja Generasi Z mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif melalui media sosial sehingga berlakunya keruntuhan akhlak dan peningkatan masalah sosial. Hakikatnya, masalah sosial yang berlaku seperti pergaulan bebas, pornografi dan zina menunjukkan bahawa sifat malu dalam diri remaja telah hilang. Sedangkan sifat malu atau *al-Haya'* merupakan satu daripada akhlak yang dimiliki oleh Rasulullah SAW dan para sahabat serta merupakan sifat positif yang perlu ada dalam diri setiap manusia. Sifat ini mampu menghindari manusia daripada melakukan maksiat dan dosa disebabkan oleh rasa takut dan gerun kepada Allah SWT yang Maha Melihat dan Maha Mengetahui. Tujuan artikel ini adalah untuk membincangkan mengenai relevansi sifat *al-Haya'* dalam pemantapan akhlak remaja Generasi Z dalam mendidik mereka masa kini. Metodologi kajian ini adalah analisis kandungan dengan meneliti kajian-kajian lepas dan kaedah deskriptif digunakan untuk menganalisis data. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penerapan sifat *al-Haya'* dalam diri remaja Generasi Z adalah sangat relevan bagi memantapkan akhlak mereka kerana sifat ini dapat menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan, membentuk tingkah laku yang baik dan mulia, memelihara penampilan sekaligus menjauahkan mereka dari terjebak dengan masalah sosial.

**Kata Kunci:** *al-Haya'*, akhlak, masalah sosial, remaja, Generasi Z.

### Relevance of *Al-Haya'* in Strengthening Moral of Generation Z

### Abstract

Moral education is an important aspect to build the personality of teenagers. Looking at the advancement of teenagers in technological developments, a part of Generation Z teenagers are easily affected by negative elements through social media until it causes the moral collapse and social problem. The social problems like promiscuity, pornography and adultery show that shyness in teenagers has disappeared. Meanwhile, the shyness or *al-Haya'* is one of the virtues possessed by the Prophet SAW and the Companions as well as the positive qualities that must exist in every human being. This nature can prevent the teenagers from all forms of incitement moral evil and sin caused by fear to Allah Almighty. The purpose of this article is to discuss the relevance of *al-Haya'* in strengthening the Generation Z teenagers moral in educating them today. The methodology of this study is content analysis by examining past studies and descriptive methods used to analyze data. The findings show that the application of *al-Haya'* in Generation Z teenagers is very relevant to strengthen their moral because with *al-Haya'* they are able to keep the boundary of the relationship between men and women, built good attitude, preserving the appearance and avoiding them from social problems.

**Keywords:** *al-Haya'*, morals, social problems, teenagers, Generation Z.

### 1. Pengenalan

Pendidikan akhlak dalam kehidupan individu Muslim memainkan peranan penting bagi melahirkan generasi berkualiti dan berkeperibadian mulia. Generasi muda terutamanya golongan remaja yang mempunyai sahsiah dan jati diri cemerlang sangat diperlukan sebagai kesinambungan pembangunan sesebuah negara (Fauziah et. al 2012). Menurut Azli Fairuz, Mohd Shafiee dan Wan Hishamudin (2015), penerapan akhlak Islam dan pembentukan peribadi yang luhur terhadap golongan remaja sangat dituntut dalam agama. Dalam mendepani dunia tanpa sempadan, golongan remaja Generasi Z iaitu mereka yang terdedah kepada teknologi internet dan

berinteraksi secara digital pada usia muda perlu kepada didikan agama dan pembentukan akhlak *mahmudah* sebagai mekanisme yang penting dalam diri mereka. Justeru, antara akhlak *mahmudah* yang dianjurkan dalam Islam adalah sifat *al-Haya'*. Sifat ini dapat mempengaruhi seseorang untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan keburukan disebabkan oleh rasa malu untuk melakukan perkara yang membawa kepada kehinaan.

Pelbagai isu keruntuhan akhlak dan kerosakan moral dalam kalangan remaja Generasi Z telah dilaporkan melalui media massa. Isu utama yang menjadi topik perbincangan adalah masalah tingkah laku, pergaulan bebas dan penampilan mereka. Antara faktor utama masalah ini adalah kerana kemudahan mengakses internet dan laman web secara global. Hal ini menyebabkan remaja Generasi Z mudah dipengaruhi dengan anasir-anasir negatif. Kewujudan laman web yang tidak bermoral dan tidak berfaedah pula memberi kesan buruk kepada nilai dan gaya hidup mereka. Rentetan daripada itu, pelbagai cara telah dilakukan oleh pihak sekolah, kerajaan dan juga ibu bapa bagi membendung gejala sosial dan kerosakan akhlak para remaja daripada terus merebak. Namun begitu, gejala ini dilihat tidak berkurangan atau reda malah ianya semakin membimbangkan. Dalam konteks ini, pendirian dan sikap seorang remaja dilihat memainkan peranan penting bagi menjauhi masalah sosial dan kerosakan akhlak. Oleh itu, artikel ini dihasilkan bagi mengkaji relevansi sifat *al-Haya'* dalam memantapkan akhlak remaja Generasi Z daripada aspek pergaulan, tingkah laku, penampilan sekaligus membentuk keperibadian mulia.

## 2. Cabaran Kehidupan Generasi Z

Setiap generasi memiliki latar belakang dan cara kehidupan yang berbeza dan tersendiri. Setiap peringkat generasi menggambarkan kepercayaan, nilai, budaya, perspektif, kegemaran, kemahiran dan personaliti dalam kehidupan mereka. Menurut Tapscott (2008) dalam bukunya *Grown up Digital* menyatakan bahawa Generasi Z adalah mereka yang lahir selepas tahun 1998. Namun begitu, Jamiah et. al (2015) meletakkan had tahun kelahiran Generasi Z, iaitu individu yang dilahirkan selepas tahun 1995 hingga 2010. Walaupun terdapat beberapa perbezaan pendapat mengenai umur remaja yang dikelasifikasi sebagai Generasi Z, namun secara umumnya Generasi Z adalah mereka yang majoritinya sekarang berada di usia awal remaja dan sebahagiannya sedang berada berada di institut pengajian tinggi.

Generasi ini juga dikenali dengan generasi teknologi dan generasi digital. Mereka lebih mahir dalam teknologi maklumat (Salinah 2017; Karim 2017) kerana Generasi Z telah dididik dan diajar oleh ibu bapa serta masyarakat sekeliling untuk melayari internet sejak kecil lagi (Siti Mahani dan Nazlinda 2015). Mereka dapat mengakseskan semua gajet elektronik seperti telefon pintar dan tablet serta melayari internet seperti Youtube, Facebook, Instagram dan Wechat dengan sendiri. Oleh itu, Generasi Z banyak menghabiskan masa dengan teknologi maya. Merujuk kepada kajian Jamiah et. al (2016), secara puratanya kebanyakan remaja menghabiskan masa mereka dengan media sosial selama 11.6 jam sehari dan terdapat segelintir remaja yang melayari internet selama 24 jam sehari. Mereka menggunakan gajet dan melayari internet untuk mencari hiburan serta pengetahuan (Mohd Yuszaidy et. al 2017), berhubung dengan keluarga, rakan, mencari kenalan baru dan bermain permainan dalam talian.

Dari sudut pemikiran dan cara hidup remaja Generasi Z pula berbeza dengan generasi lain akibat ledakan teknologi maklumat yang berubah mengikut arus semasa. Mohd Yuszaidy et. al (2017) memberi satu rumusan bahawa remaja Generasi Z juga mempunyai perwatakan individualistik, suka berdikari dan tidak suka hidup dalam pengawasan. Ciri dan perwatakan Generasi Z juga banyak dipengaruhi oleh teknologi khususnya penggunaan internet seperti kurang berlaku komunikasi secara fizikal. Akibatnya ibu bapa tidak dapat mengawasi perkara yang ditonton dan dibaca oleh anak-anak mereka ketika menggunakan internet. Oleh itu, mereka lebih mudah terdedah dengan anasir-anasir negatif yang perlu kepada kekuatan jati diri untuk menghalang diri mereka dari terjebak dengan masalah sosial.

Pelbagai isu timbul apabila Generasi Z mula menjadi pengguna internet tegar. Mereka bebas berhubung dengan sesiapa sahaja melalui alam maya sehingga berlakunya pergaulan bebas. Peningkatan isu pornografi juga membimbangkan apabila Generasi Z mudah untuk mengakses video-video lucu di internet. Segala bahan bacaan dan tontonan dalam media sosial menjadi ikutan Generasi Z sehingga timbulnya isu khalwat, zina, anak luar nikah dan kes rogol. Kajian yang dilakukan pada tahun 2016 ke atas 377 responden dari kalangan remaja mendapat 80% daripada mereka telah terdedah dengan bahan-bahan pornografi. Manakala, berdasarkan kepada Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan 13,272 kes rogol atau 59.7 peratus direkodkan dari tahun 2010 hingga Mei 2017 (Harian Metro 2017). Statistik ini menunjukkan peningkatan setiap tahun sehingga membimbangkan pelbagai pihak.

Justeru, dapat dikatakan bahawa remaja Generasi Z ini adalah mereka yang sedang melalui fasa peralihan dari alam kanak-kanak ke alam dewasa. Fasa ini, memberi cabaran kepada remaja kerana perlu menghadapi pelbagai konflik sementara seperti konflik emosi, identiti dan perubahan fizikal bagi mencari personaliti sebenar diri mereka. Remaja dalam fasa ini mudah terpengaruh dengan apa yang ada di persekitaran mereka. Jika mereka berada dalam persekitaran yang baik maka baiklah sahsiah diri mereka dan begitulah jika sebaliknya. Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja Generasi Z memerlukan pendidikan akhlak khususnya akhlak Islam dalam memantapkan keperibadian mereka.

### **3. *Al-Haya'* Dari Perspektif Islam**

*Al-Haya'* atau sifat malu dapat ditakrifkan dalam pelbagai aspek seperti malu dalam Islam, malu dalam budaya orang Melayu dan malu dari sudut psikologi. Sifat ini memberi gambaran yang positif menurut perspektif Islam dan menjadi budaya tingkah laku masyarakat Melayu. Hawiyah dan Nor Hashimah (2015) mendefinisi sifat malu dalam budaya masyarakat Melayu sebagai menjaga maruah, harga diri dan air muka. Sifat malu juga sinonim sebagai lambang kehormatan dan maruah bangsa Melayu. Namun, hasil kajian Norazlina dan Nik Farhan (2013) mendapatkan sifat malu kurang dipraktiskan oleh masyarakat Melayu kerana tidak mempunyai kefahaman yang mendalam mengenai sifat ini.

Manakala menurut sarjana Barat pula, sifat malu dianggap kolot, tidak mempunyai keyakinan diri dan tidak akan berjaya. Hal ini menyebabkan orang yang pemalu tidak berani untuk menonjolkan diri serta takut melontarkan pandangan mereka terhadap sesuatu perkara. Walau bagaimanapun, Philips (1981) berpandangan bahawa sifat malu tidak salah kerana orang yang pemalu memerlukan dorongan dan sokongan yang sepatutnya daripada orang sekeliling untuk mereka berani melontarkan pandangan mereka.

*Al-Haya'* atau malu menurut pandangan Islam adalah satu akhlak yang baik, terpuji dan dituntut. Menurut Abdul Qadir al-Syaikhili (1994) al-Ghazali (1997) dan Muhammad (2006), *al-Haya'* adalah perasaan gelisah yang timbul untuk melakukan perkara yang tidak baik atau kurang sopan. Individu yang memiliki rasa malu jika melakukan perkara maksiat maka dapat dilihat perubahan pada riak wajah kerana penyesalan atas perbuatannya. Maka Allah SWT. menjadikan sifat malu sebagai satu sifat yang perlu ada dalam diri setiap umat Islam dan sifat ini juga adalah satu daripada cabang keimanan. Ini kerana dengan adanya sifat malu dalam diri dapat menghalang manusia daripada melakukan perkara maksiat dan dosa dan penyebab kepada seseorang malu untuk mengambil hak orang lain. *Al-Haya'* juga menunjukkan peradaban akhlak yang memelihara perbuatan, percakapan atau pandangan manusia daripada melakukan keburukan. Individu yang memiliki sifat *al-Haya'* mempunyai keistimewaan yang tersendiri seperti mudah memaafkan kesalahan orang lain, berusaha mengelakkan diri daripada perkara sia-sia, mempunyai iman yang teguh dan hati suka kepada kebaikan dan kebijakan.

*Al-Haya'* adalah sebahagian daripada sifat semulajadi dalam diri manusia. Namun, Muhammad (2006) menyatakan bahawa *al-Haya'* juga adalah sifat yang boleh diusahakan (*kasabiyyun*). *Al-Haya'* secara fitrahnya adalah seperti malu apabila dimarahi atau diejek di khalayak ramai atau bahagaiannya tubuh terlihat oleh orang yang berbeza jantina. Manakala *al-Haya'* yang diusahakan adalah wujudnya sifat makrifatullah dalam diri seseorang sehingga timbul perasaan takut kepada Allah SWT untuk melakukan maksiat dan dosa walaupun di tempat tersembunyi. Maka bagi menumbuhkan *al-Haya'* bersifat *kasabiyyun*, mestilah membiasakan diri bersikap malu mengikut tahap demi tahap sehingga sifat ini menjadi tabiat dan perilaku dalam jiwa. Sepertimana al-Ghazali (1997) membahagikan *al-Haya'* kepada tiga tahap iaitu pertama, malu kepada Allah S.W.T. dengan menjaga segala tingkah laku, percakapan dan pancaindera daripada melakukan maksiat dan dosa sama ada secara sembunyi atau nyata kerana meyakini Allah SWT memerhati dan mengetahui segala isi hati hambaNya. Kedua, malu kepada manusia adalah malu untuk melakukan kejahatan secara terang-terangan dan mempunyai hubungan baik dengan masyarakat sekeliling. Ketiga, malu kepada diri sendiri kerana berasa dirinya serba kekurangan dalam mengabdikan diri kepada Allah SWT menyebabkan seseorang meningkatkan amal ibadatnya.

Merujuk kepada definisi *al-Haya'* dan jenis pembagiannya sebagaimana yang diberikan oleh Abdul Qadir al-Syaikhili (1994), Al-Ghazali (1997) dan Muhammad (2006), dapat difahami bahawa *al-Haya'* merupakan sifat yang menimbulkan keengganan seseorang melakukan maksiat dan dosa sama ada dari segi perbuatan, percakapan atau penglihatan kerana malu kepada Allah SWT yang Maha Melihat dan Maha Mengetahui. Setiap Muslim mestilah berusaha memperbaiki akhlaknya demi mencari keredhaan Allah SWT. Walaupun sifat malu itu wujud dalam diri semua manusia namun, bagi melahirkan sifat malu *kasabiyyun* dan mengukuhkannya maka seseorang itu hendaklah menahan dirinya daripada melakukan perkara yang boleh

menyebabkan kurang rasa malu seperti melakukan perbuatan kurang sopan dan bercakap perkara yang tidak senonoh. Kesempurnaan sifat malu adalah malu kepada Allah dengan meyakini bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi hambaNya di samping dapat meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT.

#### **4. Pemantapan Akhlak Generasi Z Melalui Sifat *Al-Haya'***

Generasi Z adalah pemacu kepada pembangunan negara pada masa akan datang. Namun, mereka yang ada pada masa kini banyak terlibat dengan masalah sosial seperti pergaulan bebas, pornografi dan zina sehingga membawa kepada lahirnya anak luar nikah. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Emilia Susanti (2014), Rezki Perdani et. al (2017) serta Ma Razhanlaily dan Salasiah (2017), peningkatan masalah sosial dalam kalangan belia adalah disebabkan oleh sifat *al-Haya'* dalam diri mereka telah hilang. Seseorang yang memiliki sifat *al-Haya'* dalam dirinya tidak melakukan perkara yang di luar norma masyarakat dan agama. Oleh itu, penanaman sifat *al-Haya'* dalam diri remaja Generasi Z adalah satu pendekatan yang relevan pada masa kini kerana sifat ini adalah antara sifat Rasulullah SAW dan para sahabat serta merupakan sifat positif yang perlu ada dalam diri setiap manusia. Di samping ia juga telah menjadi budaya tingkah laku masyarakat Melayu yang menjadikan sifat malu sebagai asas pendidikan kepada anak-anak sejak dahulu lagi.

Menyedari hakikat ini, penerapan sifat *al-Haya'* dalam diri remaja Generasi Z perlu dititikberatkan supaya dapat menjadi penghalang kepada penularan masalah sosial. Dalam usaha membentuk keperibadian remaja Generasi Z, perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah pemantapan akhlak melalui pendidikan al-Quran dan al-Hadith. Kenyataan ini sejajar dengan kajian Azli Fairuz, Mohd Shafiee dan Wan Hishamudin (2015) yang menegaskan bahawa pendidikan akhlak berdasarkan acuan al-Quran dan al-Hadith sangat penting kepada remaja bagi menangani masalah sosial. Sebagai contoh, al-Quran telah menunjukkan bagaimana *al-Haya'* memainkan peranan penting dalam menjaga pergaulan antara lelaki dan perempuan. Sepertimana firman Allah S.W.T:

Maksud:

Kemudian salah seorang dari perempuan dua beradik itu datang mendapatkannya dengan berjalan dalam keadaan tersipu-sipu sambil berkata: "Sebenarnya bapaku menjemputmu untuk membalias budimu memberi minum binatang ternak kami". Maka ketika Musa datang mendapatkannya dan menceritakan kepadanya kisah-kisah kejadian yang berlaku (mengenai dirinya) berkatalah orang tua itu kepadanya: "Janganlah engkau bimbang, engkau telah selamat dari kaum yang zalim itu

(al-Quran, Surah al-Qasas 28:25)

Ayat di atas menunjukkan adab pergaulan seorang wanita dengan seorang lelaki yang diiringi dengan sifat *al-Haya'*. Ahmad Mustafa al-Maraghi (1998) dan Sayyid Qutb (2000) menafsirkan bahawa sifat *al-Haya'* dalam ayat ini menggambarkan peribadi seorang gadis yang cerdas, menjaga maruah dan kesucian dirinya. Gadis ini mempamerkan kesopanan, tidak menggoda, tidak menunjuk-nunjuk dan tidak pula angkuh. Jemputan yang disampaikan oleh gadis itu kepada Nabi Musa juga menunjukkan perbicarannya tidak menggoda dan tidak terlalu lemah lembut serta berkata-kata dengan kadar yang diperlukan. Berdasarkan Sayyid Qutb (2000) lagi, kebiasaannya perasaan tidak selesa akan timbul apabila seorang wanita bertemu dengan seorang lelaki. Namun gadis ini tidak mempamerkan perasaan gugup malah menyampaikan jemputan dengan sopan tetapi tegas tanpa berniat untuk menarik perhatian.

Pergaulan antara lelaki dan wanita pada hakikatnya mempunyai satu batas untuk mengelak daripada perlakunya perbuatan yang menghampiri zina seperti pergaulan bebas dan isu khalwat (Nur 'Izzah dan A'dawiyah 2018). Kemudahan teknologi yang digunakan oleh remaja Generasi Z untuk berhubung antara satu sama lain khususnya yang berbeza jantina perlu kepada pengawasan dan kawalan ibu bapa agar mereka tidak terjebak dengan perkara yang boleh membawa kepada penzinan. Justeru, sifat *al-Haya'* yang terdapat dalam ayat di atas seharusnya dicontohi oleh remaja Generasi Z dalam menjaga pergaulan antara lelaki dan wanita agar mereka terhindar dari masalah pergaulan bebas yang telah menjadi kebiasaan remaja masa kini.

Selain itu, *al-Haya'* juga dapat menjaga tingkah laku remaja Generasi Z daripada melakukan perkara yang rendah akhlak serta menjauhi dari keruntuhan moral. Individu yang memiliki sifat ini dapat mencegah dirinya daripada melakukan maksiat dan dosa disebabkan oleh keimanan kepada Allah SWT yang Maha Melihat dan Maha Mengetahui. Ini menunjukkan bahawa sifat *al-Haya'* dan iman saling berkaitan antara satu sama lain. Hadith yang diriwayatkan oleh Abi Hurairah menyebut bahawa malu adalah cabang keimanan, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: Iman memiliki tujuh puluh atau enam puluh cabang lebih. Yang tertinggi adalah ucapan la ilaha illallah dan yang terendah adalah menyengkirkan gangguan dari jalan. Dan rasa malu itu salah satu cabang dari keimanan.

(al-Bukhari. 1986. *Sahih Bukhari*. Kitab *al-Iman*. Bab *al-Umur al-Iman*. no hadith 9)

Iman yang terpelihara menjadi jaminan kepada keredhaan Allah SWT kepada hamba-Nya. Dapatkan kajian yang dilakukan oleh Anwar (2017) mendapati bahawa iman menjadi pembimbing kepada pembentukan tingkah laku seseorang. Menyedari hakikat ini, untuk mendapat redha Allah remaja Generasi Z mestilah memiliki sifat *al-Haya'* dalam diri mereka kerana sifat ini boleh menjadi faktor pendorong untuk melakukan kebaikan dan menjauhi mereka dari melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT.

Rasa malu yang positif boleh menjadi pendorong kepada seseorang untuk melakukan perbuatan yang baik dan boleh menjadi faktor pencegah dari melakukan sesuatu perbuatan yang buruk. Malu berfungsi mengawal dan mengendalikan seseorang dari segala sikap dan perbuatan yang dilarang oleh agama. Orang yang memiliki rasa malu terhadap Allah SWT tidak akan melanggar suruhan agama. Rasa malu yang positif boleh menjadi pendorong kepada seseorang untuk melakukan perbuatan yang baik dan boleh menjadi faktor pencegah dari melakukan sesuatu perbuatan yang buruk. Malu berfungsi mengawal dan mengendalikan seseorang dari segala sikap dan perbuatan yang dilarang oleh agama. Orang yang memiliki rasa malu terhadap Allah SWT tidak akan melanggar suruhan agama.

Dari sudut penampilan pula remaja Generasi Z dilihat mudah terpengaruh dengan fesyen-fesyen barat yang dianggap mengikut peredaran zaman. Sedangkan Islam telah menetapkan batas-batas aurat dan etika berpakaian untuk lelaki dan wanita bagi menjaga maruah dan harga diri mereka. Pengaruh fesyen Barat ini yang sebenarnya telah membawa kerosakan besar kepada akhlak remaja Generasi Z kerana mereka menggayaikan pakaian yang mendedah aurat, ketat dan nipis yang mana telah melanggar etika berpakaian dalam Islam. Sehubungan itu, dengan menghadirkan sifat *al-Haya'* dalam diri remaja Generasi Z maka timbul rasa malu untuk mempertontonkan tubuh badan mereka kepada khalayak ramai dan orang bukan mahram (Siti Solehah dan Suriani 2018). Sekaligus mereka berasa takut dan tidak selesa untuk mengenakan pakaian yang mencolok mata dan juga mendedahkan aurat kerana menyedari bahawa segala perbuatan dan gerak geri mereka sentiasa berada dalam pemerhatian Allah SWT.

Dengan demikian, pemantapan akhlak remaja Generasi Z berasaskan ajaran Islam perlu dititikberatkan kerana ia akan menjamin keperibadian yang lebih beretika dan berakhhlak tinggi. Maka, *al-Haya'* merupakan sifat yang perlu ada pada setiap Muslim terutamanya pada remaja Generasi Z. Walaupun perwatakan mereka suka kepada cabaran dan mencuba perkara baru, namun ia perlu diiringi dengan sifat *al-Haya'* agar mereka sentiasa berwaspada dalam melakukan sesuatu perkara serta tidak tergelincir daripada landasan syariat Islam.

## 5. Kesimpulan

*Al-Haya'* atau sifat malu menurut pandangan Islam sememangnya mempunyai pelbagai kelebihan dan kebaikan jika diterapkan dalam diri setiap insan. Istilah *al-Haya'* mempunyai takrifan yang berbeza daripada istilah malu yang difahami oleh masyarakat sebelum ini. Secara tipikalnya, sifat malu sering merujuk kepada sifat kewanitaan namun dalam Islam sifat ini merupakan satu sifat yang perlu ada dalam diri setiap umat Islam sama ada perempuan atau lelaki . Berdasarkan catatan *Sirah*, Rasulullah SAW sendiri memiliki sifat malu melebihi malu seorang gadis. Apabila tidak wujudnya sifat malu atau *al-Haya'* menyebabkan masalah dalam kalangan remaja semakin berleluasa. Mereka tidak malu melakukan kesalahan, maksiat dan dosa, khususnya di khalayak ramai, malah mereka dengan bangganya berkongsi dan menyebarkan perbuatan salah dan maksiat yang dilakukan di dalam media sosial. Justeru itu, bagi menangani masalah yang semakin berleluasa ini semua pihak perlu bekerjasama dan memainkan peranan masing-masing untuk memberi pengetahuan dan kefahaman tentang kepentingan dan keperluan sifat *al-Haya'* dalam kehidupan kepada para remaja sejak mereka kecil. Pemantapan akhlak melalui sifat *al-haya* adalah antara pendekatan yang sangat relevan digunakan dalam pendidikan serta menjadi satu kemestian yang perlu ada dalam diri setiap insan bagi melahirkan manusia yang mempunyai akhlak terpuji dan berkeperibadian mulia serta dapat menjauhkan diri daripada kemaksiatan dan kebinasaan.

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Kareem
- Abdul Qadir Al-Shaikhili. 1994. *Fadhilat al-Haya'*. Jordan: Dar al-Bashir.
- Ahmad Mustafa al-Maraghi. 1998. *Tafsir al-Maraghi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah
- Sutoyo, Anwar. (2017). Peran Iman dalam Pengembangan Pribadi Konselor yang Efektif. *Jurnal Psikoedukasi dan Konseling*. 1(1), 11-17
- Sutoyo, Anwar. (2017). Peran Iman dalam Pengembangan Pribadi Konselor yang Efektif. *Jurnal Psikoedukasi dan Konseling*. 1(1), 11-17
- Anwar. 2017. Peran Iman Dalam Pengembangan Pribadi Konselor yang Efektif. *Jurnal Psikoedukasi dan Konseling*. 1(1): 11-17.
- Azli Fairuz, Mohd Shafiee & Wan Hishamudin. 2015. Pembentukan Akhlak Mahmudah Sebagai Mekanisme Pembangunan Insan: Analisis Terhadap Tafsir Fi Zilal Al-Quran. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. 10:36-48.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1986. Al-Qahirah: Dar al-Kitab al-Misri.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen 2012. Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal of Sosial Sciences and Humanities* 7(1): 84-93.
- Emilia Susanti. 2014. Budaya Malu Cerminan Bagi Perempuan Melayu. Sosial Budaya: *Media Komunikasi Ilmu-ilmu Sosial dan Budaya* 11(2): 226-236
- Al-Ghazali. 1997. *Akhlaq Seorang Muslim*. Terj. Selangor: Thinker's Library
- Hawiyah Baba & Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Nilai Melayu Dalam Simpulan Bahasa: Analisis Pragmatik. *Seminar Linguistik Kebangsaan (Slik2015) “Pelestarian Dan Perekayasaan Bahasa”* Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur 20 - 21 Januari: 79 - 87
- Intan Mas Ayu Shahimi. 2017. Statistik Mengejutkan. *Harian Metro*, 23 Ogos
- Jamiah Manap, Mohammad Rezal Hamzah, Nurul Nabila Mohd Izani & Nor Jana Saim. 2015. The definition of Z Generation: A systematic review. *Simposium Kebudayaan dan Kerjasama Indonesia-Malaysia*. Hotel Everly, Putrajaya.
- Jamiah Manap, Mohd Rezal Hamzah, Aizan Sofia Amin, Nurul Nabila Mohd Izani, Fazilah Idris, Salasiah Hanin Hamjah, Noordeyana Tambi, Arena Che Kasim, Norul Huda Sarnon, Salina Nen & Nor Jana Saim. 2016. Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z. *International Conference On Social And Economic Development (Icsed)*. 1-3 November.
- Karim Harun, Saadiah Maalip, Maslida Yusof Kartini & Abd Wahab. 2017. Mendepani Generasi Z Dalam Pengajian Bahasa Melayu. *Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. 27 September: 48-52.
- Ma Razhanlaily Ab Razak & Salasiah Hanin Hamjah. 2017. Faktor Zina Dan Kesannya Dalam Kehidupan Remaja. *Jurnal Sains Insani*. Vol 2 (2): 01-10
- Mohd Nasif Badruddin. 2017. 13,272 Kes Rogol Kanak-Kanak Dilaporkan. *Berita Harian*, 28 Julai: 41
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah, YusmilayatiYunos & Muhd Norizam Jamian. 2017. Generasi Z Dan Warisan Budaya. *Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. 27 September. 22- 27
- Muhammad Bin Ahmad. 2006. *Fiqh al-Haya'*. Iskandariah.
- Norazlina Hj. Mohd Kiram & Nik Farhan Mustapha. 2013. Persepsi Pelajar Melayu Terhadap Sifat

- Dan Konsep Malu Orang Melayu. *Jurnal Linguistik* Vol. 17(1) Jun: 39–48
- Nur 'Izzah Jainudin & A'dawiyah Ismail. 2018. Faktor Pengetahuan Amalan Batas Aurat Dan Pergaulan Remaja Perempuan Smk Titingan Tawau Sabah. *Jurnal Hadhari* 10(2): 141-158
- Philips G.M. 1981. Help for Shy People: and Anyone Else Who Ever Felt Ill At Ease On Entering A Room Full of Strangers. Prentice-Hall: Englewood Cliffs N.J.
- Rezki Perdani Sawai, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Sidek Mohd Noah, Rumaya Juhari & Steven Eric Krauss. 2017. Akhlak Percintaan dan Rasa Malu. *Kertas Kerja International Conference on Dakwah and Islamic Management*, Universiti Sains Islam Malaysia. Nilai, Negeri Sembilan, 31 Oktober – 1 November.
- Salinah. 2017. Bahasa Ibunda Secara Inklusif Dalam Pendidikan Generasi Z Dengan Rujukan Kepada Bahasa Melayu. *Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu* Kuala Lumpur
- Sayyid Qutb. 2000. *Tafsir Fi Zilal Qur'an*. Kota.Bharu: Pustaka Aman Press.
- Siti Mahani Muhazir & Nazlinda Ismail. (2015). Generasi Z: Tenaga Kerja Baru dan Cabarannya". Universiti Malaya
- Siti Solehah Azhar & Suriani Sudi. 2018. Konsep Al-Haya' Menurut Perspektif Sunnah. *Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith*, hlm. 431-440
- Tapscott D. 2008. *Grown Up Digital: How The Net Generation Is Changing Your World*. New York: McGraw-Hill